

Berpuluh-puluh ribu umat Malaysia berhimpun di Padang Kapal Terbang, Subang pada 12 Ogos yang lalu sebagai mengalu-alukan ketibaan Dr. Adam Malik, Menteri Luar Indonesia ke Kuala Lumpur sesudah menandatangani Perjanjian Perdamaian Konfrontasi yang berjalan semenjak tahun 1963 dahulu. Sambutan yang meriah itu adalah menunjukkan perasaan dari hati umat Malaysia kepada sukacitanya dua bersaudara sedarah sedaging yang telah berpisah dengan beberapa kali perpisahan telah bercantum semula, bersahabat semula — duduk sama rendah, berdiri sama tinggi bertolong bantu di antara satu sama lain untuk menegakkan suatu cita-cita, satu tujuan iaitu perdamaian dan kesejahteraan hidup di antara kedua-dua belah pihak.

## **Persaudaraan Sedarah Sedaging Dicincang Tak Putus, Dibakar Tak Hangus, Digantung Tak Mati**

Sambutan yang begitu meriah memperingatkan kita kepada tibanya almarhum Sutan Sjahrir ke Singapura dahulu untuk merayakan Hari Kemerdekaan Indonesia yang pertama yang disambut sebegitu meriah terutamanya oleh bangsa Indonesia dan umat Melayu seluruhnya yang sedia dari satu saat ke satu saat berjuang bersama saudaranya, membantu saudaranya umat Indonesia melepaskan diri daripada penjajahan Belanda dahulu. Perjuangan moral dan material dibantu oleh umat Tanah Melayu dalam masa berjuang menegakkan kemerdekaan Indonesia itu. Ini tidak dapat dinafikan yang menunjukkan bahawa umat Indonesia dan umat Malaysia yang berumpun satu, berasal darah satu berketurunan satu, sehidup semati, seperasaan, sekedudukan dan setaraf. Tidak ada satu pun manusia yang dapat menafikan perasaan-perasaan ini dan tidak satu pun golongan yang boleh menghapuskan atau menghilangkan perasaan persaudaraan yang begitu erat di antara kedua golongan ini. Walau apa pun ada di sekitarnya mereka tidak

memperdulikan kerana cogannya satu dan corak-coraknya satu iaitu untuk hidup merdeka, untuk bebas dari segala-gala penjajahan sama ada penjajahan negara, penjajahan ekonomi dan penjajahan segala-galanya. Mereka akan membebaskan diri dan itulah cogan yang utama daripada persatuan serumpun umat yang asalnya satu itu.

Konfrontasi yang dihidupkan oleh Sukarno yang pada masa itu gila kebesaran kedudukan yang tinggi di Indonesia, tidak ada membawa keuntungan bahkan merugikan bukan sahaja di pihak Malaysia tetapi juga di pihak Indonesia sendiri. Tidak ada satu yang didapat daripada faedah-faedahnya yang menghasilkan satu keuntungan atau satu ketinggian hidup bahkan di antara dua saudara bersaudara itu berbunuh-bunuhan padahal tertimbul, yang diperselisihkan dapat dirundingkan di meja bulat jika sekiranya pada masa itu President Sukarno kepalanya dingin tetapi oleh sebab keadaan-keadaan di sekitarnya, keadaan di sekelilingnya untuk mengabui mata



Sultan Hamengkubuwono Menteri  
Ekonomi Indonesia.

rakyat Indonesia akan hal  
revolusi yang sebelum selesai,  
katanya, maka Konfrontasi dilakukan.  
Tetapi al-ḥamdulī‘Lāh kesedaran umat  
Indonesia timbul, timbul  
sesudah menderita, timbul sesudah  
mengetahui bahawa perdirian di belakang  
President, berdiri di belakang orang-orang

yang mengikuti President itu Komunis yang bakal meruntuhkan taraf hidup keselamatan dan kesejahteraan negara Indonesia sendiri. Al-hamduli'Lāh dengan tegas putera-putera Indonesia yang berani berkorban diri berdiri teguh untuk mempertahankan hak-hak kedaulatan Indonesia daripada diseliputi oleh Komunis dan al-hamduli'Lāh dengan kudrat adanya iman umat Islam di Indonesia timbullah pejuang-pejuang yang berani menegakkan kalimah Allah melepaskan kemuliaan bangsa Indonesia daripada masuk pula ke jajahan atau masuk pula ke perangkap penjajahan Komunis di dalam negaranya sebagai penjajahan kali yang kedua. Al-hamduli'Lāh mereka telah dapat meruntuhkan tali barut-tali barut Komunis dan dengan kerana itu kesudahannya Konfrontasi tamat. Acuman-acuman dari luar dapat dihapuskan, polisi pecah belah dapat ditinggalkan dan diharap pada masa yang akan datang dengan tercantumnya dan dengan terikatnya perikatan dua saudara ini dapatlah masing-masing akan menghidupkan persaudaraan yang erat bantu-membantu menegakkan suatu cita-cita bangsa Melayu seumumnya.

Dipahatkan dan kembalian kembalian yang diterbitkan oleh persoalan inilah, umat yang satu rumpun itu berasa gembira dan bersyukur, dan kerana itulah sambutan ketibaan Adam Malik ke Kuala Lumpur itu disambut dengan begitu meriah sebagai tanda kesucian hati umat Malaysia kepada cita-cita yang satu di dalam persaudaraan yang serumpun.

Tengku Abdul Rahman di dalam ucapannya mengalu-alukan saudara Adam Malik membuat



Ketibaan Tun Abdul Razak di Lapangan Terbang Kemayoran Jakarta adalah disambut dengan meriahnya oleh Tuan Adam Malik dan beribu-ribu rakyat Indonesia yang sedia menunggu-nunggu dari sejak pagi di lapangan terbang tersebut.

suatu ucapan kekeluargaan yang sangat berkesan yang menunjukkan bahawa di dalam persaudaraan itu mudahlah segala-galanya dapat dihapuskan kalau perselisihan sedarah sedaging itu dapat bercantum semula. Beliau berkata: "Marilah kita semua kikiskan dari ingatan kita segala keburukan-keburukan yang telah berlaku dalam masa tiga tahun yang lalu, dan

marilah kita pandang ke hadapan dengan rasa penuh harapan bahawa kita akan menghadapi suatu zaman yang gilang-gemilang."

"Kami sekalian di Malaysia menadahkan kedua belah tangan mengucapkan kesyukuran ke hadrat Allah di atas pertolongan-Nya dan berdoa semoga perdamaian yang telah dicapai itu akan terus berkekalan buat selama-lamanya."

“Marilah kita berpegang kepada hukuman-hukuman Allah yang memerintah kita umat Islam suatu rumpun yang bersuara di antara satu sama lain. Kiranya kita berpegang kepada ajaran ini, maka persaudaraan kita akan bertambah kuat dan bertambah teguh lagi.

“Tambahan pula” — kata beliau — “antara kita dan rakyat Indonesia memang telah terjalin satu ikatan kuat yang tidak dapat diceraikan dari segi ikatan keturunan dan darah daging dan juga ikatan bahasa, walau apa pun terjadi ikatan itu tidak sekali-kali boleh diputuskan.”

Ucapan-ucapan ini adalah menunjukkan ucapan-ucapan persaudaraan, ucapan-ucapan yang mengkehendaki supaya kita di dalam masa menjalankan segala tugas di masa hadapan hendaklah melupakan segala perselisihan dan pertentangan, bangkit-membangkit di antara satu sama lain — ringkasnya sebagai kata pepatah Melayu — “Yang sudah itu sudahlah dan jangan diingat-ingat lagi.”



President Sukarno berganding tangan dengan Perdana Menteri Zhou Enlai.

Benar sebagaimana yang dikatakan oleh Tuan Adam Malik bahawa perhubungan persahabatan berabad-abad yang beberapa tahun terputus itu sekarang berhubung semula. Dan akan terus berabad-abad sebagai satu rumpun satu punca, satu keturunan yang akan menyelenggarakan sebuah negara yang kuat di Timur jauh ini.

Ini adalah menambahkan lagi sinar-sinar yang lebih terang lagi jelas bagaimana harapan umat Islam di dalam perkembangan Islam pada masa yang akan datang.

Telah pernah ditulis di dalam majalah ini bahawa seorang telah menelah, sinar Islam itu akan timbul bukan dari Timur Tengah lagi, bukan dari Timur atau Barat tetapi akan timbul daripada gugusan pulau-pulau Melayu yang akan menyelamatkan dunia daripada rempuhan-rempuhan atau acuman-acuman terhadap kepada agama Islam. Inilah barangkali menjadi simbol atau semboyan yang baik sekali iaitu apabila di dalam perjumpaan sesudah menandatangani ini, kedua-dua pemimpin yang beragama Islam itu lalu bersama-sama berjemaah di sebuah masjid untuk mendapatkan keredaan Tuhan pada hari Jumaat yang bersejarah itu.

Imam besar di Masjid Negara Tuan Haji Mohd Ghazali bin Abdullah di dalam khutbahnya menyambut rombongan, saudaranya dari Indonesia yang Muslim yang telah bersama-sama sembahyang itu di dalam khutbah Jumaatnya di antara lain berkata: “Kita sambut mereka itu di rumah Allah, di tempat suci, di hari mulia, disaksikan oleh malaikat-malaikat yang bertugas di pintu-pintu masjid pada hari ini,



Dr. Subandrio dengan berpakaian tentera lengkap disambut oleh pembesar-pembesar China Komunis sewaktu lawatannya ke Peking di beberapa tahun yang lalu. seterusnya bersaksikan Allah Tuhan yang kita sembah.”

“Rombongan ini sekalipun beberapa puluh orang sahaja, tetapi kita merasakan sembahyang Jumaat di hari ini bersama-sama dengan lebih 90 juta umat Islam yang terdiri daripada saudara-saudara kita kaum Muslimin di Indonesia.”

Di dalam penutup khutbahnya doa yang dibacakan oleh Tuan Haji Ghazali di antara lain beliau berkata: “Mudah-mudahan dengan perdamaian ini dapatlah kita mengembalikan rasa persaudaraan yang memang wujud di antara kita bukan sahaja dari sebab persatuan darah tetapi juga persatuan akidah dan ikatan tauhid.”